

Berjuta bahan arkib Malaysia di luar negara

Oleh Fahmy A Rosli - April 4, 2022 @ 3:12pm
fahmy.azril@bh.com.my



Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia (ANM), Jaafar Sidek Abdul Rahman. - NSTP/Aswadi Alias

KUALA LUMPUR: Bahan arkib berkaitan Malaysia yang berada di luar negara yang dianggarkan berjuta naskhah perlu diperolehi kerana antaranya ia amat penting untuk dijadikan bahan bukti sekiranya negara berdepan konflik perebutan hak kedaulatan kawasan, sempadan atau wilayah.

Kegagalan memperoleh bahan arkib, termasuk dokumen rasmi dan tidak rasmi seperti fail pentadbiran, laporan dan perjanjian boleh membuatkan Malaysia 'berputih mata' untuk melindungi hak kepentingan negara dan rakyat di masa depan.

Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia (ANM), Jaafar Sidek Abdul Rahman, berkata usaha mendapatkan bahan arkib berkaitan negara amat mustahak kerana ia dapat melengkap dan memperkukuhkan bahan bukti bagi membantu kerajaan menjalankan kajian serta penyelidikan mengenai perempadanan, mempertahankan hak kedaulatan serta pengesahan fakta sejarah negara.

"Nak dianggarkan saya rasa tak dapat bagi angka yang tepat tetapi pada pandangan saya, bahan arkib berkaitan negara kita ada berjuta lagi di luar negara sama ada disimpan oleh kerajaan ataupun pengumpul persendirian.

"Kalau kita pergi ke India misalnya, negara itu adalah salah satu tempat (penyimpanan) fail pusat pentadbiran antara British dengan kita. Dari Tanah Melayu dulu, ia (dokumen) akan pergi (disimpan) ke India dan kemudiannya ke United Kingdom (UK).

"Di UK dan Belanda sudah tentu ada (simpan bahan arkib) sebab negara itu pernah jajah kita. Ada juga tersimpan di Russia, Turki, Australia dan Perancis meskipun negara berkenaan tidak pernah jajah kita," katanya kepada BH.

Jaafar Sidek bagaimanapun berkata, usaha mendapatkan bahan berkenaan sebenarnya memerlukan peruntukan kewangan yang besar.

ANM sejak beberapa tahun ini pula katanya, mengalami penyusutan peruntukan sehingga menjejaskan usaha membeli bahan arkib dari luar negara dan hanya terhad kepada bahan tertentu sahaja.

"Pada masa sama, kita juga tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk menjalankan tugas memperoleh bahan arkib di luar negara," katanya.

Difahamkan, sejak 2014 Seksyen Penyelidikan Khas Negara ANM memperoleh peruntukan RM1 juta tetapi jumlahnya menyusut pada 2015 iaitu RM100,000, RM70,000 (2016) dan RM60,000 (2017).

Pada 2018 dan 2020 pula tiada peruntukan disalurkan, manakala pada 2019 (RM10,000).

Jaafar Sidek menjelaskan, kos untuk memperoleh bahan arkib adalah besar antaranya bagi membiayai kos perjalanan, membeli bahan arkib dan melantik pakar rujuk.

"Ada ketika, kita mungkin tak tahu mengenai sejarah keseluruhan. Itu yang kita perlu bawa pakar rujuk. Dari segi kewangan, ia akan membabitkan proses pembelian bahan arkib.

"Bahan ini pula ada di negara luar dan bukan semua kita boleh dapat kerana perlu mohon dalam bentuk salinan.

"Kalau bahan asal lagi mahal. Kadang-kadang ada satu dokumen bernilai sehingga RM200,000. Bahkan sekeping sijil rumah api pernah dibeli dari Indonesia berharga kira-kira RM50,000," katanya.

Beliau juga berkata, pembabitan ANM dalam penyelidikan dan kajian khas berkaitan persempadanan negara sudah bermula sejak 1979 lagi.

Katanya, pembabitan agensi itu menjadi semakin kritikal apabila Jawatankuasa Khas Mengenai Sempadan Laut dalam mesyuarat Bil2/1982 bertarikh 5 Julai 1982 memutuskan ANM terlibat secara langsung dalam kes kedaulatan Pulau Batu Puteh antara Malaysia dan Singapura.

ANM turut terbabit dengan kes tuntutan bertindih Pulau Sipadan dan Ligitan antara Malaysia dan Indonesia dengan bahan arkib digunakan sebagai bahan bukti dalam perbicaraan kes berkenaan.

Selain Wisma Putra, beliau berkata, ANM turut bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara bagi pengesanan dan perolehan bahan arkib dari luar negara.

Pada Oktober tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengumumkan kerajaan akan menubuhkan sebuah pasukan petugas khas bagi tujuan semakan semula undang-undang berkaitan isu Pulau Batu Puteh, dipengerusikan oleh bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali.

Perdana Menteri berkata, petugas khas itu akan membuat kajian menyeluruh, meneliti dan mencadangkan pilihan yang bersesuaian, dengan mendapatkan pandangan daripada pakar undang-undang antarabangsa.

Usaha itu juga bertujuan untuk menyemak semula undang-undang berkenaan permohonan semakan dan pentafsiran berkenaan kes Pulau Batu Puteh.

Menyentuh betapa mustahaknya bagi memperoleh bahan arkib dari luar negara, Jaafar Sidek berkata, ia penting bagi mencari maklumat mengenai kenegaraan terutama untuk tujuan persempadanan, keselamatan wilayah.

"Persempadanan ini bukan isu berperang sahaja kerana ia turut membabitkan sempadan maritim sekali gus ia membabitkan banyak perkara dan isu.

"Yang pertama membabitkan soal kedaulatan wilayah, laut, keselamatan dan lagi penting adalah berkaitan dengan zon ekonomi eksklusif (ZEE).

"Sekarang ini kita tahulah Asia Tenggara banyak sumber minyak dan satu lagi mungkin dari segi sumber perikanan, selain persempadanan.

"Katakan isu persempadanan, ia mungkin bertindih sebab kalau kita tengok undang-undang laut, berapa kilometer dari kawasan pantai kita dan mungkin akan bertindan dengan kawasan negara lain seperti Thailand, Indonesia atau Filipina. Itu bergantung kepada sempadan wilayah," katanya.

Beliau menjangkakan, sekiranya kerajaan Malaysia tidak giat untuk mengesan, mencari dan perolehan bahan arkib di negara luar, mungkin akan menjadikan sejarah negara tidak lengkap.

"Jika sejarah negara rapuh dan tiada identiti jati diri, ia boleh membuka ruang dan peluang kepada negara lain untuk 'merampas' hak kedaulatan Malaysia.

"Kalau kita tidak mengesan bahan arkib, isu membabitkan persempadanan negara tidak boleh kita pertahankan nanti.

"Maknanya kita cuma duduk diam-diam, macam tak kisah apa berlaku sehingga lama kelamaan orang (negara lain) menuntut. Jadilah seperti isu Sulu," katanya.